

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 APRIL 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17

Projek pembangunan di Kelantan lewat

Projek pembangunan di Kelantan lewat

Kota Bharu: Projek pembangunan di Kelantan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) mengalami kelewatan apabila hanya mencapai pelaksanaan 14 peratus dengan RM334 juta sudah dibelanjakan setakat Mac lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata peratus pembangunan itu masih rendah kerana projek yang dirancang mengalami sedikit kelewatan berbanding sasaran kerajaan sebanyak 25 peratus.

Katanya, kelewatan disebabkan beberapa isu termasuk kekurangan tenaga kerja, isu penyelarasan di peringkat agensi kerajaan dan masalah tapak projek yang rumit.

“Sejumlah 385 projek pembangunan yang membabitkan kos sebanyak RM19.87 bilion di bawah RMK-12 diluluskan kepada Kelantan iaitu 83 projek baharu dan 302 projek sambungan dengan sebanyak RM2.39 bilion dipерuntukkan pada 2022.

“Bukan semua projek mengalami kelewatan,

ada sesetengah sahaja iaitu bagi pembinaan Lebuhraya Central Spine Road (CSR), tiga pakej membabitkan sembilan seksyen.

“Daripada sembilan seksyen itu, empat seksyen berada dalam peringkat pembinaan dan hanya tiga seksyen mengalami kelewatan iaitu pakej 2C dari Bukit Sejuk ke Gua Musang sepanjang 19.6 kilometer (km) yang berada pada kadar 2.13 peratus berbanding sasaran 2.8 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas taklimat status projek pembangunan RMK-12, di Bilik Gerakan Mabna Kompleks Kota Darulnaim, di sini semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Kelantan, Datuk Nazran Muhammad serta Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti negeri, Datuk Azami Mohd Noor.

Selain itu, Mustapa berkata, kelewatan itu juga bagi pakej 3B dan 3C KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang sepanjang tujuh km berada pada 25.85

peratus berbanding sasaran 27.83 peratus dan pakej 3B dari Bulatan Gua Musang ke Mentera sepanjang 10.5 km pada kadar 28.35 peratus berbanding sasaran 34.19 peratus.

“Bagi pembinaan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai (KBKK) dengan tujuh pakej dan anggaran kos RM2.7 bilion. Daripada jumlah itu, dua pakej sudah siap sepenuhnya, manakala lima pakej dalam pembinaan.

“Satu pakej mengalami kelewatan iaitu pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2 km berada pada kadar 76.67 peratus berbanding sasaran 85.08 peratus,” katanya.

Beliau berkata, kelewatan projek pembangunan itu bukan sahaja di Kelantan, malah turut berlaku di negeri lain.

Dalam perkembangan lain, Mustapa berkata, bagi pembinaan penstabil tebing Sungai Pohon Celagi, di Pasir Mas, sudah mencapai kemajuan sebanyak 87 peratus setakat 3 April lalu dan dijangka siap Ju-lai depan.